



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN KEDAH DARUL AMAN

DOKUMEN SEBUT HARGA (PEMBELIAN TERUS) BEKALAN/PERKHIDMATAN

NO. RUJUKAN : MPLBP/SBT/PT/01/2023

TAJUK : SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PLASTIK SAMPAH UNTUK KEGUNAAN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

TEMPOH PELAWAAN : 31 JANUARI 2023 – 07 FEBUARI 2023




KOD BIDANG BEKALAN : 020401/020501/020599
(TARAF BUMIPUTERA ATAU BUKAN BUMIPUTERA)

ARAHAN AM

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan **Seperti Di Dalam Dokumen Sebut Harga (Termasuk Lampiran).**
 - 1.2 Arahan pengiriman juga boleh dialamatkan kepada **UNIT PEROLEHAN, ARAS 3, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN, KEDAH DARUL AMAN** dengan dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga (sebelah kiri sampul) atau melalui kiriman secara pos, emel (mplbpperolehan@gmail.com), faks, atau talian Whatapps (011-58923362).
 - 1.3 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup tawaran.
 - 1.4 Sebut harga hendaklah sampai tidak lewat pada **jam 12.00 tengahari** pada **07 Februari 2023.**
 - 1.5 Pihak Majlis adalah terikat dengan mana-mana harga tawaran harga terendah dan pertimbangan adalah berdasarkan beberapa faktor munasabah dan keutamaan adalah kepada syarikat pembekal tempatan yang mana lebih munasabah.
 - 1.6 Pembekal hendaklah menyertakan bersama-sama sebut harga ini dokumen yang masih sah berkuatkuasa 3 bulan sebelum tarikh tutup pelawaan :-
 - i. Sesalinan Sijil Pendaftaran **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**
 - ii. Sesalinan Sijil Perakuan Pendaftaran **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)**

JADUAL KADAR HARGA

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PLASTIK SAMPAH UNTUK
KEGUNAAN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

BIL.	BUTIRAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	 <p>Membekal Plastik Sampah Yang Mengandungi 50 Keping Setiap Paket.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ketebalan : 0.038mm ▪ Saiz : 32" x 40" ▪ Warna : Hijau 	1000 Paket (50,000 pcs)		
2.	 <p>Membekal Plastik Sampah Yang Mengandungi 1000 keping setiap BUNDLE Dan Dicetak Perkataan MPLBP</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ketebalan : 0.02mm ▪ Saiz : 28" x 35" ▪ Warna : Biru 	40 Bundle (40,000 pcs)		
3.	 <p>Membekal Plastik Sampah Yang Mengandungi 30 Keping Setiap Roll.</p> <p>Ketebalan : 0.01mm Saiz : 49cm x 64cm (kecil) Warna : Biru</p>	200 Roll (6,000 pcs)		

JADUAL KADAR HARGA

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PLASTIK SAMPAH UNTUK
KEGUNAAN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

BIL.	BUTIRAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
4.	 <p>Membekal Plastik Sampah Yang Mengandungi 20 Keping Setiap Roll.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ketebalan : 0.014mm ▪ Saiz : 75cm x 90cm ▪ Warna : Hitam 	500 Roll (10,000 pcs)		
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				

Bekalan akan disempurnakan dalam tempoh minggu.

(Ringgit Malaysia :
.....)

- i. Harga yang ditawarkan adalah bersih termasuk segala kos berkaitan termasuk cukai yang berkuatkuasa.
- ii. Tempoh penghantaran perbekalan/Perkhidmatan adalah **tertakluk kepada ketetapan Majlis**.
- iii. Suatu kontrak antara MPLBP dan pembekal yang berjaya akan disediakan setelah **Surat Setuju Terima (SST)** atau **Pesanan Tempatan (LO)** di disetujuterima oleh pembekal.
- iv. Jadual Kadar Harga adalah sebagai membentuk sebut harga ini dan pesanan sebenar boleh menjadi lebih atau kurang daripada Jadual Kadar Harga.
- v.

Oleh demikian saya / kami bersetuju menandatangani tawaran ini seperti yang berikut :-

.....
Tandatangan & Cop Penyebut Harga

Nama Syarikat :

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :

.....

No. Tel :

Jawatan :

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi. Mana-mana barang yang didapati terdapat kecacatan/rosak atau tidak mematuhi spesifikasi adalah dikehendaki ganti baru sepertimana spesifikasi.

5. PERSETUJUAN

- i. Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga, dan
- ii. Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

6. PEMERIKSAAN

- i. Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut, dan
- ii. Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- i. Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang dipersetujui tersebut barangnya boleh ditolak;
- ii. Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu ; dan
- iii. Fasa kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbandaran atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAKSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-Undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- i. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan ; dan
- ii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- i. Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- ii. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- iii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

1. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA

- 1.1 Penyebut harga yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang Bekalan di bawah **sub-kepala 020401/020501 bertaraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera** yang masih sah dan berkuatkuasa. Salinan surat pendaftaran kontraktor/pembekal telah atau hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat dari Kementerian Kewangan Malaysia yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat. Kegagalan melampirkan lesen ini boleh menyebabkan tawaran ini **DIBATALKAN**.
- 1.2 Sekiranya penyebut harga mempunyai kemudahan kewangan dari bank/institusi kewangan, penyebut harga hendaklah mengemukakan surat pengesahan daripada bank/ institusi yang berkaitan.
- 1.3 Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum membuat tawaran. Dokumen-dokumen lain tidak diterima kecuali dokumen-dokumen yang mesti dikemukakan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan membolehkan sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga-harga yang ditawarkan penyebut harga adalah termasuk semua kos seperti cukai kerajaan, pengangkutan, perkhidmatan, peralatan, insurans dan lain-lain yang bersangkutan perbekalan atau perkhidmatan tetapi tidak termasuk cukai GST.
- 2.2 Penyebut harga dinasihatkan supaya memahami butir-butir kerja dan sebarang risiko yang mungkin berlaku yang boleh mempengaruhi harga tawaran. MPLBP tidak akan menanggung sebarang penambahan kenaikan harga.
- 2.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku sebut harga. Penyebut harga yang berjaya ditawarkan sebut harga hendaklah mematuhi sepanjang kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.
- 2.4 MPLBP akan mengenakan **denda 0.025% daripada harga kontrak bagi setiap sehari kelewatan yang berlaku** sekiranya bekalan alat tulis pejabat lewat dibekalkan daripada tempoh yang dinyatakan. KECUALI pihak Majlis telah dimaklumkan terlebih dahulu secara bertulis tentang sebarang kelewatan yang berlaku dan dipersetujui oleh Majlis. Walaubagaimanapun pihak Majlis berhak dengan apa jua sekalipun membatalkan inden/Pesanan Kerajaan apabila tempoh bekalan telah tamat.
- 2.5 ~~Kontrak ini akan tamat pada tarikh tamat kontrak atau sehingga harga siling kontrak ini dibelanjakan sepenuhnya atau yang mana terdahulu.~~
- 2.6 Kegagalan tanpa sebab munasabah boleh menyebabkan tindakan pada fasal 2.4 di atas dikenakan kepada pembekal.
- 2.7 Sekiranya terdapat bekalan yang tiada dinyatakan di dalam Jadual Harga, Majlis akan membuat pembayaran berdasarkan kepada nilai harga yang dipersetujui bersama.

3. PERTIMBANGAN TAWARAN

- 3.1 Tawaran ini akan dipertimbangkan berasaskan daya saing harga, keupayaan kewangan syarikat, pengalaman sebut harga dalam bidang kerja, rekod prestasi sebut harga dan faktor-faktor tambahan lain yang mungkin berkaitan. Walaubagaimanapun, Kerajaan tidak akan terikat untuk menawarkan kontrak kepada Penyebut harga yang menawarkan harga terendah.
- 3.2 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau mana-mana tawaran sebut harga. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan juga mempunyai hak untuk memecah bahagi sebut harga ini dimana yang dianggapnya patut dan munasabah.
- 3.3 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhak meminda atau membatalkan mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada pelawaan sebut harga ini pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu untuk menguatkuasakan perubahan dalam polisi atau membetulkan mana-mana yang silap, tertinggal, tidak jelas atau tidak selaras yang ungkin timbul selepas pelawaan sebut harga ini dikeluarkan.

4. MENARIK BALIK TAWARAN/ MENOLAK SEBUT HARGA

Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tawaran dibuat. Jika Penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk tindakan penggantungan pendaftaran seperti berikut:-

- i) Dua (2) tahun bagi kesalahan kali pertama
- ii) Pendaftaran akan dibatalkan terus bagi kesalahan berikutnya.

5. TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

Tempoh sah laku sebut harga ini adalah selama sembilan puluh (90) hari bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dilanjutkan dengan persetujuan bersama jika apabila perlu.

6. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 6.1 Kerajaan tidak terikat mempersetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. Keputusan sebut harga adalah muktamad. MPLBP tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berkenaan sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.
- 6.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

7. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 7.1 Merujuk kepada Surat Arahan Perbendaharaan rujukan S/K./Kew/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld 26.SK.7(3) bertarikh 28 Februari 2009.
 - i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
 - ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
 - iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitam Kontraktor atau Penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
 - iv) Mana-mana Kontraktor atau penyebut harga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada baangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);

8. INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 8.1 Perkara ini adalah merujuk kepada Surat Arahan Perbendaharaan rujukan S/K.Kew/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld 29 SK.6(11) bertarikh 16 Disember 2010.
 - i) Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan pembida bahawa penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan Surat Perwakilan Kuasa yang telah ditandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak kerajaan bagi urusan perolehan / perjanjian bagi perkara ini. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen berikut boleh menyebabkan tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
 - ii) Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak kerajaan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat perwakilan Kuasa yang telah ditandatangani bagi pihak syarikat. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen berikut boleh menyebabkan tawaran sebut harga akan dibatalkan.

Saya / kami telah membaca dan meneliti serta memahami semua syarat-syarat yang terkandung di dalam 'SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA' seperti di atas.

.....
(Tandatangan Penyebut Harga)

.....
(Cop Rasmi Syarikat)

Nama Penuh :
No. K/P:
Tarikh :

SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. SEBUT HARGA : MPLBP/SBT/PT/01/2023

TAJUK SEBUT HARGA:
**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PLASTIK SAMPAH UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
 PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

Saya, No.K.P

(Nama Wakil Syarikat)

Mewakili..... No. Pendaftaran

(Nama Syarikat)

..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana

(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN** atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan tersebut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu yang cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

Nama :

No. K.P :

Cop Syarikat :

Catatan : i)*Potong yang mana tidak berkenaan.

ii) Surat akuan pembida ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PLASTIK SAMPAH UNTUK
KEGUNAAN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

SURAT PERWAKILAN KUASA

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran langkawi
Bandaraya Pelancongan
07000 Langkawi
Kedah Darul Aman

Tarikh :

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya,

No. K/P Selaku pemilik syarikat

Akan menandatangani sendiri semua dokumen berakitan dengan urusan perolehan Tender / Sebut Harga Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan *mewakili kuasa menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu :

- a. Nama :
- b. Alamat :
- c. Jawatan :
- d. No. K/P :
- e. No. Tel. :
- f. Alamat Emel :

Nota : *Butiran 2(a) hingga (g) perlu diisi sekiranya syarikat diwakili oleh individu selain daripada pemilik syarikat.

3. Sehubungan dengan itu, dikemukakan untuk makluman/rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Majlis sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
Nama pemilik syarikat :
Jawatan :
Cop Syarikat :